



KAKITANGAN dan pelajar yang hadir mengambil gambar kenangan sebelum memulakan gotong royong.



ANTARA yang hadir menjayakan program gotong-royong.

## FPEP anjur Program Gotong-Royong 'Sayangi UMS, Sayangi FPEP'

NST 28.2.2019 7

KOTA KINABALU: Seramai 200 kakitangan dan pelajar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) menjayakan Program Gotong-Royong Perdana 'Sayangi UMS, Sayangi FPEP', di fakulti itu, di sini baru-baru ini.

Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata, program itu antara lain bertujuan memupuk kesedaran terhadap kepentingan menjaga kebersihan dan mewujudkan alam sekitar yang kondusif melalui semangat kerjasama dan saling bantu membantu antara satu sama lain.

"Yang istimewanya, program ini merupakan inisiatif pelajar iaitu daripada Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP).

"Saya menyokong penuh inisiatif ini dan berharap agar program-program begini akan terus dipergiatkan pada masa akan datang. Syabas dan tahniah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program tersebut.

Pada program itu, para pelajar dan kakitangan telah membersihkan di dalam dan luar bangunan fakulti termasuk di kawasan longkang dan sudut-sudut terpencil.

Hadir sama, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah) FPEP Dr. Kamisan Pusiran, Pengurus Program Eugenie Leong dan Presiden PMEP Gan Chee Houe.